

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023

GAJI DAN REZEKI

Ditulis oleh: Prof. Madya Dr. Nur Helmi & Nur Jannah bt Azman

Kita sering mendengar keluhan berkenaan gaji yang sedikit atau kurang dan gaji yang tidak setimpal dengan kerja. Sering juga kita menganggap bahawa Allah SWT tidak mengurniakan kita dengan rezeki yang cukup melalui gaji yang sedikit. Anggapan itu ternyata salah kerana sesungguhnya rezeki bukan hanya pada gaji sahaja, tetapi sebenarnya meliputi banyak perkara. Kadangkala di dalam hidup ini, kita sering salah faham memberi makna antara kedua perkara ini. Ramai yang menganggap bahawa rezekinya itu adalah semata-mata pada gajinya. Terdapat perbezaan yang besar antara keduanya dan ini perlu difahami sedalamnya.

Dalam konsep rezeki, rezeki merupakan apa yang kita nikmati dan memberi manfaat bagi kita. Gaji merupakan hasil yang kita peroleh dari segala usaha dan kerja keras yang telah kita lakukan. Sebagai contoh, kita bekerja di salah sebuah kilang perusahaan dan hasil yang diperoleh dari pekerjaan itu dinamakan gaji. Rezeki datang dari mana saja, dari segala sudut bahkan dari sesuatu yang tidak kita terduga kerana konsep rezeki itu adalah suatu nikmat yang kita boleh rasakan dan nikmati secara langsung. Misalnya, dalam keadaan tiada pekerjaan di musim pandemik, tiba-tiba ada yang datang ke

rumah dengan membawa bekalan makanan kepada keluarga kamu, ini dinamakan rezeki.

Gaji merupakan upah, kebiasaannya berbentuk wang yang diberi oleh pihak majikan kepada pekerja atas khidmat atau kerja yang telah diberikan. Kebiasaannya diberikan pada setiap bulan dengan jumlah yang tetap atau yang telah dijanjikan. Tidak semua orang mempunyai gaji, kadangkala boleh menjadi lebih atau kurang mengikut keadaan atau situasi. Manakala rezeki datang dari Tuhan, pada bila-bila masa sahaja dan jumlahnya diatur dan telah ditetapkan olehNya. Rezeki bukan hanya pada wang ringgit namun meliputi banyak perkara. Bahkan, segala yang kita nikmati di dunia ini seperti kesihatan, kecukupan masa, makanan yang enak, anak yang ramai, merupakan rezeki daripada Allah s.w.t. Setiap orang dijanjikan dengan rezeki masing-masing, senantiasa mencukupi dan tidak pernah tertukar.

Sebenarnya terdapat banyak rezeki yang sedang kita nikmati sekarang seperti keluarga yang bahagia, rakan sekerja, sahabat dan persekitaran yang baik serta banyak lagi. Allah telah menyediakan pelbagai jalan menuju rezeki seperti yang telah disebutkan dalam al-Quran. Oleh itu, kita sebagai manusia wajib untuk berusaha bagi mendapatkan rezeki tersebut. Oleh sebab itu, janganlah takut serta risau tidak

dikurniakan rezeki, kerana rezeki akan datang dari pelbagai sumber yang telah ditentukan oleh Nya. Apapun jangan tersalah dalam mentafsirkan rezeki Allah. Belum tentu yang diluaskan rezekinya itu dimuliakan dan belum tentu juga disempitkan rezeki itu adalah tanda kehinaan.

Sekiranya kita berfikir dengan lebih mendalam, penyakit, kerja yang sukar, anak yang istimewa, kemalangan atau musibah juga rezeki daripada-Nya. Luaskanlah sudut pandang agar jiwa tenang dan lapang. Jangan berduka berlebihan sekiranya kehilangan meskipun rezeki sudah berada di dalam tangan. Ada kalanya ujian diberikan kepada kita dalam diri yang penuh kealpaan. Apa-apa sahaja rezeki yang telah dikurniakan kepada kita, seeloknya dikongsikan bersama orang lain. Amalan yang baik seperti menderma, sedekah, zakat atau infaq ke jalan kebaikan serta berkhidmat untuk komuniti juga adalah cara terbaik untuk mendapat keberkatan dalam rezeki.



BIARKAN DIA BERJAYA

Ditulis oleh: Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli

Biarkan dia berjaya

Dia juga ingin mengecap hidup bahagia

Dia juga ingin bersemayam di puncak mahligai dunia

Gembirakah kita melihat dia sengsara?

Bukankan dia sebangsa, darah daging kita?

Biarkan dia berjaya

Sekiranya dia dicengkam sengsara derita

Membawa diri merajuk jiwa lara

Gembirakah kita mendengar esak rawannya?

Puaskah menyaksi ranap binasa mahligai bangsa mu juga?

Biarkan dia berjaya

Biarkan dia disanjung mulia gemilang cahaya

Umpama Syed Mokhtar Al-Bukhari usahawan ternama

Muhammad Muqharabbin penakluk puncak tertinggi di tujuh benua

Profesor Diraja Ungku Aziz ilmuwan selamanya